

BERITA Sabah & Sarawak

45 kompleks perniagaan diberi penarafan ZPT tahun ini

Tarikh kemaskini: 21/11/2019

ZON PERDAGANGAN TERPILIH



KOTA KINABALU, 21 Nov -- Sebanyak 45 kompleks perniagaan di negara ini diberi penarafan sebagai Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tahun ini.

Timbalan Ketua Setiausaha kementerian Datuk Rostam Affendi Salleh berkata kesemua kompleks tersebut diberikan penarafan selepas mencapai tahap pematuhan antara 90 hingga 100 peratus yang ditetapkan KPDNHEP bagi tempoh tiga tahun berturut-turut iaitu pada 2016, 2017 dan 2018.

Beliau berkata sejak 2012 sehingga tahun lepas, sejumlah 110 kompleks perniagaan di negara ini telah menyertai ZPT.

"Daripada jumlah tersebut 58 kompleks telah diberikan penarafan pada 2015," katanya pada majlis penarafan ZPT peringkat Zon Sabah di sini, hari ini.

Beliau berkata lima daripada 45 penerima pengiktirafan program ZPT adalah kompleks perniagaan di negeri ini dan Labuan iaitu Imago, Oceanus, Servay Hypermarket, Suria Sabah dan Kompleks Ujana Kewangan Labuan.

Menurut beliau mana-mana kompleks perniagaan yang telah diberikan penarafan sebelum ini, boleh dilucutkan penarafan jika penilaian semula yang dijalankan dalam tempoh tiga tahun menunjukkan jumlah markah terkumpul di bawah kategori tahap satu hingga tahap tiga iaitu 0 hingga 89 peratus.

Melalui penarafan ini, kata beliau, aktiviti urus niaga melibatkan jual beli di kompleks perniagaan akan bertambah rancak dan dapat menjadi contoh kepada pemain perniagaan lain untuk menjalankan perniagaan secara sihat dan mematuhi etika.

-- BERNAMA

